

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada buku jawapan yang dibekalkan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama, Tingkatan dan Sekolah di **Buku Jawapan** dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Nyatakan subbidang perakaunan berkaitan dengan pernyataan berikut:

Pernyataan		Subbidang
(i)	Pemeriksaan ke atas dokumen perniagaan untuk mengesahkan maklumat perakaunan yang direkodkan adalah betul dan tepat.	
(ii)	Penyediaan Penyata Kewangan bagi membantu pengguna dalaman dan luaran untuk membuat keputusan.	

[2 markah]

- (b) Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga berikut:

Urus niaga	Debit	Kredit
Pemilik Kedai Alat Tulis Aneka telah mengambil lima batang pen bernilai RM20 untuk kegunaan perniagaan.		

[2 markah]

(c) Dokumen berikut diperoleh daripada Perniagaan Perabot Abdul.

SALINAN	INVOIS Perniagaan Perabot Abdul No. 14, Jalan Melati, 42100 Klang, Selangor. 03-3317 4321	INV: 3217		
		Tarikh: 18 Januari 2024		
Kepada: Azman Enterprise No. 8, Jalan Gemilang 1, 40100 Shah Alam, Selangor.				
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Meja	5	200.00	1 000.00
2	Kerusi	20	30.00	600.00
				1600.00
<i>Tolak: Diskaun niaga 10%</i>				160.00
Jumlah				1 440.00
(Ringgit Malaysia: Satu ribu empat ratus empat puluh sahaja) <i>Syarat : 5% 7 hari, 3% 15 hari</i> <i>Serahan : Angkutan dibayar</i> <i>K. & K. di K</i>				
<u>Azman</u> Penerima			<u>Abdul</u> Pengurus	

Berapakah diskaun diberi sekiranya Azman Enterprise menjelaskan keseluruhan hutang pada 24 Januari 2024? [2 markah]

(d) Maklumat berikut diperolehi daripada Butik Jelita.

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2024 (petikan)

Butir	Januari	Februari	Mac
	RM	RM	RM
Baki b/b	-	13 500	18 700
Penerimaan			
Modal	10 000	-	-
Jualan	3 200	3 520	3 872
Akaun Belum Terima	-	X	Y

Berapakah nilai X dan Y sekiranya 50% daripada jumlah jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan? [2 markah]

(e) Berikan **dua** sebab berlakunya pembubaran perkongsian.

[2 markah]

HALAMAN KOSONG

- 2 Encik Adam Zuhair adalah pemilik Kedai Serbaneka AdamZ. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap.

Berikut ialah maklumat yang diambil daripada buku perakaunannya pada 30 Jun 2024.

	1 Julai 2023	30 Jun 2024
	RM	RM
Premis	85 000	85 000
Lengkapan	23 550	26 200
Kenderaan (dibeli pada 1 Januari 2023)	50 000	50 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	2 500	<i>Perlu dikira</i>
Inventori	9 760	11 550
Akaun Belum Terima	5 600	4 500
Kadar bayaran belum bayar	190	175
Sewa belum terima	800	560
Inventori alat tulis	30	40
Pinjaman 4%	-	<i>Perlu dikira</i>
Bank	17 800	<i>Perlu dikira</i>

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 adalah seperti berikut:

Penerimaan:	RM
Akaun Belum Terima	4 460
Jualan	26 200
Sewa	5 600
Pinjaman	40 000

Pembayaran:	
Belian	8 800
Kadar bayaran	1 230
Gaji	9 000
Alat tulis	140
Ambilan	560
Angkutan masuk	270
Pinjaman	8 000

Maklumat tambahan:

- (i) Susut nilai kenderaan adalah 10% atas kos.
- (ii) Diskaun diberi RM140.
- (iii) Pinjaman 4% diterima 1 Julai 2023 dan pembayaran balik pinjaman dibuat dalam tempoh 5 tahun.
- (iv) Perkara berikut belum direkodkan dalam mana-mana buku.
 - Lengkapan baharu RM4 000 dibeli pada 1 Oktober 2023 menggunakan wang peribadi Encik Adam.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima. [4 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [10 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024. [11 markah]

- 3 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Perusahaan Kerepek Crispy yang beroperasi di Kuala Langat, Selangor pada 31 Mac 2023.

	RM	RM
Inventori pada 1 April 2022:		
Alat-alat kecil	3 200	
Kerja dalam proses	9 500	
Bahan langsung	15 000	
Barang siap	75 000	
Belian:		
Alat-alat kecil	7 300	
Bahan langsung	80 400	
Barang siap	54 000	
Angkutan masuk:		
Bahan langsung	3 400	
Barang siap	2 800	
Pulangan belian bahan langsung		10 600
Upah pekerja kilang	85 000	
Gaji pengurus kilang	65 000	
Gaji jurujual	12 700	
Komisen jurujual	2 200	
Angkutan keluar	2 800	
Insurans	10 600	
Belanja am kilang	5 700	
Utiliti	8 590	
Sewa	12 000	
Jualan barang siap		400 540
Kenderaan (kos)	57 800	
Susut nilai terkumpul kenderaan		7 560
Mesin kilang (kos)	80 500	
Susut nilai terkumpul mesin kilang		16 100
Simpanan tetap	35 000	
Faedah atas simpanan tetap		400
Bank	195 410	
Akaun Belum Terima	15 900	
Akaun Belum Bayar		4 600
Modal		400 000
	<u>839 800</u>	<u>839 800</u>



Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2023:

	RM
Alat-alat kecil	2 880
Kerja dalam proses	7 340
Bahan langsung	20 200
Barang siap	98 000

- (ii) Sewa bagi bulan Februari dan Mac masih belum dijelaskan.
- (iii) Faedah atas simpanan tetap ialah 3% setahun.
- (iv) Mesin kilang dan kenderaan disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah berikut:

Mesin kilang	20% setahun mengikut kaedah nilai buku
Kenderaan	10% setahun mengikut kaedah garis lurus

- (v) Belanja susut nilai kenderaan kilang dan pejabat mengikut nisbah 2 : 3.
- (vi) Agihan perbelanjaan kilang dan pejabat seperti berikut:

Belanja	Kilang	Pejabat
Insurans	60%	40%
Utiliti	70%	30%
Sewa	50%	50%

- (vii) Komisen jurujual berjumlah RM500 tersilap rekod dalam gaji jurujual.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [14 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [11 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunan Kelab Robotik Bestech yang telah ditubuhkan di Subang Jaya, Selangor.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM		RM
Baki b/b	6 000	Insurans	800
Yuran tahun 2022	1 550	Utiliti	750
Yuran tahun 2023	7 500	Belanja pameran robotik	1 220
Yuran tahun 2024	850	Alat tulis	240
Yuran masuk	1 500	Lengkapan	3 900
Derma (ubah suai bangunan kelab)	2 370	Sagu hati jurulatih robotik	350
Kutipan pameran robotik	3 400	Sewa	8 400
		Belanja am	370

Maklumat tambahan:

- (i) Aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Lengkapan (kos)	7 400	?
Set peralatan robotik	15 000	14 450
Bank	6 000	?
Yuran belum terima	1 550	1 250
Yuran belum terperoleh	650	850
Inventori alat tulis	120	110

- (ii) Set peralatan robotik dinilai semula pada akhir tempoh penggunaannya.
 (iii) Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
 (iv) Sewa dibayar bagi tempoh setahun berakhir pada 31 Januari 2024.
 (v) Sagu hati jurulatih robotik belum dijelaskan sebanyak RM200.
 (vi) Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan modal.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
- (b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [9 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023.
(bahagian Dana Terkumpul sahaja) [5 markah]
- (d) Apakah perbezaan di antara yuran ahli dan yuran masuk? [2 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut diambil daripada Mega Enterprise dan Star Enterprise pada 31 Julai 2024.

<u>Mega Enterprise</u>	
	RM
Inventori pada 1 Ogos 2023	6 820
Inventori pada 31 Julai 2024	7 060
Kos Jualan	18 300
Belanja pengendalian perniagaan	5 710
Jualan	35 065
Bank	1 630
Akaun Belum Terima	3 790
Akaun Belum Bayar	2 850
Sewa prabayar	500
Modal pada 1 Ogos 2023	30 000
Pinjaman bank (matang pada 31 Julai 2026)	20 000

<u>Star Enterprise</u>	
Pulangan atas modal	32.50%
Nisbah ujian asid	2 : 1
Kadar pusing ganti inventori	3 kali

Anda dikehendaki:

- (i) menghitung nisbah berikut bagi Mega Enterprise:
- (a) Tokokan [2 markah]
- (b) Pulangan atas modal [2 markah]
- (c) Nisbah ujian asid [2 markah]
- (d) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]
- (ii) Perniagaan manakah yang akan anda pilih untuk membuat pelaburan? Beri alasan anda. [2 markah]

- (b) Syarikat Damai Berhad mempunyai modal diterbitkan dan berbayar penuh seperti berikut:

500 000 unit 8% Syer Keutamaan, RM2.00 sesyer 600 000 unit Syer Biasa, RM1.00 sesyer

Maklumat berikut menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan pembayaran dividen kepada pemegang syer bagi tahun 2019 hingga tahun 2023.

Tahun	Keuntungan Syarikat RM
2019	92 000
2020	75 000
2021	60 000
2022	110 000
2023	108 000

Anda dikehendaki melengkapkan jadual di *Lampiran A* untuk menunjukkan agihan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan pemegang Syer Biasa dalam tempoh 5 tahun.

[10 markah]

- 6 (a) Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi Mekar Trading.

Baki pada 31 Julai 2024 adalah seperti berikut:

	RM
Tunai	550
Bank	1 680

Urus niaga yang berlaku sepanjang 31 Ogos 2024 adalah seperti berikut:

Tarikh	Urus Niaga	No. Cek	Jumlah
2024			RM
Ogos 2	Jualan tunai (dibankkan)		2 500
10	Perniagaan Amar	91130	3 560
19	Belian	91131	1 600
25	Aleeya – terima cek untuk menjelaskan baki hutangnya berjumlah RM3 550		3 500
28	Bayar bil elektrik dengan tunai		360
30	Terima cek daripada Sarah Enterprise untuk menjelaskan sebahagian hutangnya		2 250
30	Gaji	91132	5 500

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai (ruangan bank sahaja) untuk merekod urus niaga bagi bulan tersebut. [7 markah]

(b) Pada 2 September 2024, Mekar Trading telah menerima penyata bank bagi bulan Ogos 2024.

RNB Bank Penyata Akaun				
Kepada : Mekar Trading			No. Akaun : 66778989765	
			Tarikh : 31 Ogos 2024	
Tarikh	Keterangan	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
Ogos 1	Baki b/b			3 680
2	Deposit		2 500	6 180
10	Cek No. 91130	3 650		2 530
15	Cek No. 91129	2 000		530
19	Cek No. 91131	1 600		(1 070)
30	Caj bank	100		(1 170)
30	Dividen – Jaya Bakti Berhad		120	(1 050)

Maklumat tambahan:

- (i) Cek bernombor 91130 telah tersilap rekod dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek dibankkan pada 25 Ogos dipulangkan oleh bank pada 30 Ogos 2024 dengan ditanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Berdasarkan jawapan anda di 6(a), anda dikehendaki:

- (i) mengemas kini Buku Tunai. (ruangan bank sahaja) [8 markah]
- (ii) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2024. [5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT